



**Persatuan Penduduk Pangrupur Taman Puncak Kinrara
TKK 2/3, Puchong Selangor.**
(No. daftar : 0180-08-SEL)
B3-01-04, Jalan TKK 2/3, Taman Puncak Kinrara
47100 Puchong Selangor.
<http://tamanpuncak.blogspot.com>

Minit Mesyuarat Agong Kali Ke-2

Tempat: Tempat Letak Kereta Blok B1

Tarikh dan Masa: Ahad 8/3/09, 9.00 pagi

Kehadiran : 65 orang

1. Ucapan pengerusi Penubuhan

Encik Zulkifli bin Zainuddin selaku pengerusi telah mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dalam mesyuarat agong kali ke-2. Beliau menerangkan matlamat mengadakan mesyuarat ini. Antara yang di sentuh oleh beliau ialah berkenaan dengan sekuriti.

Pada mesyuarat kali ke-2, kita telah menjemput Ketua Polis Puchong Jaya dan antara nasihat beliau kepada penduduk agar berhati-hati menyewa permis terutama kepada warga asing.

Beliau juga menyeru agar semangat kejiranian di tingkatkan kerana ada dikalangan penduduk yang langsung tidak mengenal antara jiran.

2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agong kali ke-2 2009/2010 yang Lalu

Disahkan :

Di sokong oleh:.....

3. Pembentangan Laporan Aktiviti Tahun 2009

Pada tahun 2009, tidak ada aktiviti riadah dibuat kerana AJK telah menumpukan perhatian dalam sistem keselamatan seperti sistem pelekat kenderaan dan pengawal keselamatan yang mana kita telah mewujudkan sekuriti 24 jam iaitu 2 pengawal untuk malam dan 2 pengawal untuk siang hari. Yuran untuk sekiranya ditetapkan sebanyak rm25 sebulan dan di kutip oleh pengerasan bangunan YTL .Namun begitu perkhidmatan sekuriti terpaksa dihentikan pada bulan December akibat dari keenggangan sesetengah penduduk yang tidak membayar yuran.

AJK dan penduduk juga bekerjasama dalam hal-hal cegah maksiat dan kegiatan tidak bermoral di taman ini. AJK telah membuat siasatan dan mengambil langkah yang sewajarnya dalam menangani kegiatan ini. Antara perkara yang dibuat oleh AJK dan penduduk ialah membuat aduan kepada majlis agama.

4. Pembentangan Laporan Kewangan bagi tahun berakhir 31 mac 2009 oleh bendahari.

-Lihat lampiran-

5. Pemilihan Ahli Jawatan Kuasa sessi 2009

-Lihat lampiran

6. Hal-hal lain/usul/cadangan

1.Yew Peng Chong(B6-2-4)

Beliau meminta dilaksanakan pemberian air percuma 20 meter padu pertama kepada pengguna air domestik yang diluluskan oleh kerajaan negeri Selangor.

Pemberian air percuma hanya boleh dibuat jika semua penduduk sanggup menukar meter untuk diletakkan di tingkat 1 bangunan.Perbelanjaan kontraktor untuk tujuan itu ditanggung penduduk

2.Sumendran a/l gewaratinam (B5-2-2)

a)Meminta supaya motosikal tidak dibenarkan

Memasuki bangunan, kerana ianya mengganggu penghuni tingkat bawah.

Semasanya ada perkhidmatan sekuriti, motosikal yang parking didalam bangunan akan dikunci. Persatuan telah menampal notis di blok masing-masing.

b.)Masalah najis kucing dan anjing di kawasan persekitaran rumah tingkat bawah.

Kebanyakan kucing dan anjing tidak dibela tetapi ianya datang sendiri. Untuk anjing liar, aduan boleh dibuat kepada MPSJ oleh pengadu manakala pengadu boleh membuang sendiri kucing-kucing yang berkeliaran ditempat yang difikirkan sesuai kerana ada sesetengah orang kesian untuk membuang kucing-kucing tersebut

c.)Tidak membenarkan meletakkan kon di visitor parking.

Sama-sama lah kita meyelesaikan masalah ini kerana kita sudah tidak ada perkhidmatan sekuriti.

3.Zainal Abidin Abdul Majid B1-1-5

Mencadangkan persatuan membuat kegiatan seperti hari keluarga dan sebagainya.

Pada tahun 2009, persatuan menumpukan perhatian kepada hal-hal keselamatan seperti sekuriti dan sistem stiker kenderaan.

Mungkin untuk tahun-tahun mendatang persatuan akan menganjurkan kegiatan luar seperti hari keluarga dan ini, bergantung kepada komitmen AJK.

Nor Saadi Hassan (B2-5-3)

a)Memohon Pihak pengurusan membaiki bumbung/papan yang reput.

Saya difahamkan pengadu telah membuat aduan kepada pengurusan YTL, tetapi tidak tahu apakah tindakan susulan yang dibuat.

b)Mengadakan gotong royong setiap 6 bulan sekali.

Gotong royong akan dibuat mengikut keperluan semasa.

c)Memohon pembinaan pagar dibuat dengan kadar segera.

Bergantung kepada budget dan kewangan pihak pengurusan YTL.

d)Memohon kerjasama penduduk agar mengikat sampah dengan betul sebelum dibuang dalam tong sampah.

6. Mesyurat telah ditangguhkan pada pukul 12.00 tengahari.

Minit mesyurat dicadang untuk disahkan,

dicadang:.....disokong:.....

Disediakan oleh,

Ruzlan

Setiausaha